

UTeM cipta inovasi komunikasi OKU pekak, bisu

Alor Gajah: Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berjaya mencipta produk inovasi terbaru bagi membantu golongan orang kurang upaya (OKU) dikenali sebagai *Handroid-Sign Language Translator*.

Produk yang dibangunkan oleh kumpulan penyelidik UTeM dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKKEE) itu mampu membantu golongan OKU pekak dan bisu berkomunikasi dengan manusia normal.

Produk inovasi itu adalah berbentuk sepasang sarung tangan yang mana setiap daripadanya dilengkapi dengan beberapa imbasan yang mampu mengesan pergerakan tangan golongan pekak dan bisu.

Setiap data yang diambil akan diproses dan diterjemahkan ke dalam bentuk tulisan dan suara yang dipaparkan di telefon bimbit menerusi aplikasi android yang dibina.

Jurutera Pengajar FTKKEE UTeM yang juga ketua penyelidik produk inovasi terbabit, Nurul Kausar Ab Majid, berkata idea mencipta produk berkenaan teretus berikutan isu yang sering dihadapi golongan pekak dan bisu untuk berkomunikasi dengan insan normal.



Nurul Kausar menunjukkan inovasi *Handroid-Sign Language Translator* pada paparan telefon bimbit menterjemahkan bahasa komunikasi hasil pergerakan sarung tangan Den Roko dan Ahmad Nasyir.

(Foto Amir Mamat/BH)

Katanya, secara umum OKU pekak dan bisu adalah terma yang boleh didefinisikan sebagai golongan yang tidak mampu bertutur dan berkomunikasi secara lisan.

“Hal ini pasti menyukarkan rutin kehidupan seharian mereka

yang mana mereka tidak mampu berkomunikasi secara efektif dengan masyarakat sekeliling.

“Menerusi penciptaan produk ini, selain memudahkan golongan pekak dan bisu, ia juga dihasilkan untuk membantu masyarakat ber-

komunikasi dengan mereka secara berkesan,” katanya ketika ditemui di universiti berkenaan, semalam.

Handroid-Sign Language Translator mula dibangunkan sejak awal tahun lalu dan ia dihasilkan

bersama empat pelajar iaitu Den Roko Kasdi, Ahmad Nasyir Ahmad Nizam, Muhammad Afiq Abdul Kadir dan Amir Fahmi Ibrahim.

Mereka kini adalah pelajar tahun empat program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi Industri dan Robotik) FTKKEE UTeM.

Nurul Kausar berkata, projek terbabit sudah dikemukakan kepada Persatuan Orang Pekak dan Bisu Melaka (POPNM) sebagai inisiatif untuk mereka berkomunikasi dengan bernas.

“Diharapkan inovasi futuristik akan datang dapat menambahkan spesifikasi produk bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat ketika ini,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim, berharap produk itu dapat membantu golongan OKU terbabit kerana ia dilihat berpotensi besar menzahirkan dunia baharu yang menggembirakan golongan yang sama di negara ini.

Katanya, ini kerana, ia mampu berfungsi sebagai alat pemudah komunikasi efektif antara OKU berkenaan dengan manusia normal di sekeliling mereka.